

Headline	Pengurusan Tabung Haji dipuji
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)
Date	19 Mar 2012
Section	Tempatan
Page No	6

Pengurusan Tabung Haji dipuji

MEKAH: Menteri Di Jabatan Ketua Menteri, Datuk Nasir Tun Sakaran, berpuas hati dengan perkhidmatan cekap pengurusan Tabung Haji Malaysia yang mengendalikan urusan haji dan umrah di Mekah.

Katanya, pengurusan Tabung Haji adalah contoh terbaik yang harus diteladani setiap negara Islam lain selaras dengan Anugerah Kualiti Perdana Menteri yang dimenangi Tabung Haji pada 1995.

Nasir berkata demikian sempena menerima kunjungan Konsul Jeneral Haji Malaysia di Mekah, Hj Mohd Norber Kassim di Bangunan Hotel Movenpick, di sini.

Hadir sama Setiausaha Sulit Menteri Di Jabatan Ketua Menteri Sabah, Hj Yahamad Budin.

Sempena majlis itu juga, Nasir diberikan taklimat ringkas mengenai perkembangan dan kemajuan pen-

gurusan Tabung Haji.

Nasir yang juga Menteri bertanggungjawab mengenai Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, sedang menunaikan umrah bersama keluarga dan lebih 300 jemaah dari Negeri ini.

Katanya, kelancaran perjalanan jemaah haji dari Malaysia setiap tahun yang dikendalikan Tabung Haji adalah baik dan mendapati kebanyakan jemaah haji Malaysia dibekalkan dengan pengetahuan yang mencukupi untuk menyediakan diri apabila berada di tanah suci.

"Semua ini adalah hasil pengurusan petugas Tabung Haji yang cekap dan juga membabitkan kerjasama semua jabatan yang berkaitan dan kita berterima kasih kepada pihak Tabung Haji Malaysia yang cukup prihatin dan mengendalikan urusan Haji dengan cemerlang," kata Nasir.